

KENYATAAN AKHBAR

JADUAL LOKASI KAUNTER EZ-PAY BULAN OGOS 2013

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA akan membuka kaunter bergerak ez-pay pada bulan OGOS 2013. Aktiviti ini merupakan usaha dan langkah pihak Majlis untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat pada waktu puncak terutamanya.

Di samping itu, kaunter bergerak ez-pay ini juga di harap dapat menggalakkan dan memberi kemudahan kepada orang awam untuk hadir ke kaunter bergerak yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Sebagai makluman, antara kawasan-kawasan yang akan dilawati sepanjang bulan OGOS ini adalah seperti berikut:

BIL	TEMPAT	HARI	TARIKH	MASA
1	PJU 5 Dataran Sunway	Sabtu – Ahad	03.08.2013 - 04.08.2013	10.00 pg - 3.00 ptg
		Isnin - Rabu	05.08.2013 - 07.08.2013	10.00 pg - 3.00 ptg
2	SD 12/1 (Berhampiran McDonald's dan Mobil)	Isnin – Jumaat	12.08.2013 - 16.08.2013	10.00 pg - 3.00 ptg
		Sabtu - Ahad	17.08.2013 - 18.08.2013	10.00 pg - 3.00 ptg
3	Jalan Cecawi 6/18A PB6 Kota Damansara (Berhampiran McDonald's dan stesen Minyak Shell)	Isnin – Jumaat	19.08.2013 - 23.08.2013	10.00 pg - 3.00 ptg
		Sabtu - Ahad	24.08.2013 - 25.08.2013	10.00 pg - 3.00 ptg
4	PJU 8 Flora Damansara (Berhampiran pintu masuk Flora Damansara)	Isnin – Jumaat	26.08.2013 - 30.08.2013	10.00 pg - 3.00 ptg
		Sabtu	31.08.2013	10.00 pg - 3.00 ptg

Bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, kaunter Ezpay akan ditutup bermula 08/08/2013 sehingga 11/08/2013. Diharapkan dengan adanya hebahan ini akan melancarkan segala urusan dan perancangan yang telah dirancang. Semoga dengan adanya perkhidmatan kaunter ez-pay ini dapat memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan.

Sehubungan dengan itu, mohon jasa baik pihak media untuk membuat hebahan kepada orang ramai, kerjasama tuan/puan amatlah dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: [Petaling Jaya City Council](#), twitter: [pjcitycouncil](#),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my